

SKIM PERKHIDMATAN KURATOR GRED S9

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN :	SOSIAL	
KUMPULAN PERKHIDMATAN :	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	
TARAF JAWATAN :	TETAP/KONTRAK INTERIM	
KEKOSONGAN :	4	
JADUAL GAJI GRED 9 :	GAJI MINIMUM	- RM2,250.00
	GAJI MAKSIMUM	- RM11,110.00
	KADAR KENAIKAN	- RM225.00
	GAJI TAHUNAN	

1. SYARAT LANTIKAN

Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sosiologi, Antropologi, Sejarah, Kaji Purba, Zoologi, Sastera, Seni Lukis, Seni Reka, Seni Halus, Seni Bina, Permuziuman, Konservasi atau dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,470.00) atau
 - (ii) Ijazah Sarjana dalam bidang Permuziuman yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM3,020.00)
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu Pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Kurator adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Kurator Gred S9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
- ii. Lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

- i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

3. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN).
- (b) Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian LPSVN (<https://www.artgallery.gov.my/>) akan diproses.
- (c) Calon dikehendaki memuat naik CV yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gambar berukuran pasport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 21 SEPTEMBER 2025

5. PERMOHONAN YANG DITOLAK

Permohonan berikut akan ditolak tanpa diberi sebarang jawapan:-

- (a) tidak memohon jawatan melalui dalam talian;
- (b) tidak disertakan gambar berukuran pasport;
- (c) tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan;
- (d) tidak lengkap dan tidak jelas; dan
- (e) tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan.

6. CATATAN AM

- (a) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.